

### **BAB III**

#### **METODOLOGI**

##### **REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk yang sesuai digunakan dalam kajian ini ialah kajian *ex-post facto* analisis korelasi. Berdasarkan kaedah penyelidikan dalam pendidikan yang diterangkan oleh Mohd. Majid (1990:139), kajian *ex-post facto* sering digunakan bagi mengkaji hubungan antara pembolehubah-pombolehubah apabila pembolehubah tidak bersandar tidak dapat diolah.

Analisis korelasi amat sesuai digunakan kerana dapat menepati objektif kajian ini untuk mengidentifikasi dan menjelaskan hubungan yang wujud antara pembolehubah-pembolehubah. Sekiranya data-data menunjukkan terdapat hubungan, maka arah hubungan dan kekuatan juga dikaji untuk melihat aspek-aspek pekerjaan mengikut keutamaan yang mempengaruhi kepuasan kerja subjek.

Reka bentuk ini mudah dan hanya melibatkan pengumpulan data-data daripada subjek yang sama. Kajian ini tidak mengkaji hubungan sebab-musabab antara pembolehubah-pembolehubah. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah kepuasan kerja guru-guru SJK(C) di Kuala Lumpur. Manakala pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini terdiri daripada jantina, keadaan kerja, keadaan gaji, peluang kenaikan pangkat, corak penyeliaan, teman sekerja, kelulusan akademik, tempoh perkhidmatan, taraf perkahwinan dan pengiktirafan masyarakat.

## **TEMPAT KAJIAN**

Kajian ini melibatkan guru-guru SJK(C) yang mengajar di SJK(C) Mun Yee, SJK(C) Lee Rubber, SJK(C) St. Teresa, SJK(C) Kuen Cheng (1), SJK(C) Chin Woo, SJK(C) Chung Kwo, SJK(C) Tsun Jin, SJK(C) Taman Connaught, SJK(C) Chi Man, SJK(C) Chiao Nan, SJK(C) Chong Hwa dan SJK(C) Sentul. Sekolah-sekolah ini dipilih sebagai tempat kajian kerana subjek kajian yang sesuai dengan kajian ini terdapat di situ.

## **ALAT UKURAN KAJIAN**

Alat ukur kajian untuk kepuasan kerja adalah dalam bentuk borang soal selidik. Borang soal selidik kepuasan kerja ini mengandungi tiga bahagian yakni :

### **Maklumat Diri**

Soal selidik ini bertujuan bagi mendapat maklumat mengenai latar belakang subjek agar mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai subjek kajian. Bahagian ini mengandungi sembilan item. Item-item tersebut ialah umur, jantina, etnik, taraf perkahwinan, kelulusan akademik, gaji, tempoh perkhidmatan, minat terhadap profesion mengajar dan pengiktirafan masyarakat terhadap guru (lihat Lampiran A).

### **Soal Selidik *Job Descriptive Index (JDI)***

*Job Descriptive Index (JDI)* ialah alat ukuran secara tidak langsung untuk mengukur kepuasan kerja. Soal selidik ini mengandungi frasa-frasa berkenaan kepuasan kerja yang menerangkan lima aspek pekerjaan yakni keadaan kerja, gaji, peluang kenaikan

pangkat, penyeliaan dan teman sekerja. Item-item dalam JDI telah dipilih berdasarkan banyak kajian lepas dan analisis faktor (Smith dan rakan-rakannya 1975). Setiap aspek pekerjaan terdiri daripada 8 hingga 18 hurai yang disenaraikan untuk menjelaskan pekerjaan seseorang individu.

JDI telah menunjukkan darjah ketekalan dalaman dan kesahan yang tinggi. Kebolehpercayaan (berbahagi dua) alat ukur ini adalah antara .80 hingga .88 (Smith dan rakan-rakannya 1975).

**Jadual 6 Bilangan Item dan Indeks Ketekalan Dalaman JDI**

Aspek Pekerjaan	Bil. Item	Indeks Ketekalan Dalaman <i>alpha Cronbach</i>
Keadaan kerja	15	.81
Gaji	8	.79
Kenaikan pangkat	8	.82
Penyeliaan	18	.87
Rakan sekerja	17	.87

*Sumber : Mohd. Majid (1990:5)*

Memandangkan alat ukuran ini digubal di negara Barat, maka aspek-aspek silang budaya harus dipertimbangkan sebelum digunakan dalam masyarakat Malaysia. Justeru itu, alat ukur ini telah diubah suai untuk kegunaan tempatan oleh Mohd. Majid (1990) (lihat Lampiran B). Soal selidik ini telah disemak oleh panel penyemak yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah UPM untuk menentukan kesahan itemnya (lihat Lampiran D). Bahagian ini mengandungi 66 item dan

memberikan indeks ketekalan dalaman yang diukur dengan *alpha Cronbach* seperti yang terdapat dalam Jadual 6.

### **Keadaan Pekerjaan Keseluruhan**

Bahagian ini mengandungi 18 item dan mempunyai indeks ketekalan dalaman yang diukur dengan *alpha Cronbach* .87 (Mohd. Majid 1990:5). Item-item ini digunakan untuk mengukur kepuasan kerja secara umum tentang pekerjaan yang diceburi oleh individu. Dalam konteks kajian ini, item-item bahagian ini digunakan untuk menguji dan melihat kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur JDI (lihat Lampiran C).

Hamzah (1994) telah menggunakan alat ukuran yang sama untuk mengukur kepuasan kerja seramai 191 orang guru dan pensyarah Sains Pertanian di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian rintis beliau memberikan indeks ketekalan dalaman *alpha Cronbach* bagi setiap aspek pekerjaan seperti berikut :

Jadual 7 Bilangan item dan Indeks Ketekalan Dalaman JDI yang telah diubah suai

Aspek Pekerjaan	Bil. Item	Indeks Ketekalan Dalaman <i>alpha Cronbach</i>
Keadaan kerja	15	.84
Gaji	8	.78
Kenaikan pangkat	8	.85
Penyeliaan	18	.92
Rakan sekerja	17	.91
Pekerjaan keseluruhan	18	.93

Sumber : Hamzah (1994:52)

Oleh kerana keputusan yang diperoleh oleh Hamzah (1994) menunjukkan kadar kebolehpercayaan yang agak tinggi, maka didapati bahawa alat ukuran ini adalah sesuai untuk kajian ini bagi mengukur kepuasan kerja guru SJK(C).

Dalam soal selidik ini, subjek diminta menandakan darjah persetujuan bagi setiap item pada skala lima mata berbentuk *Likert*. Kedudukan skala adalah seperti berikut: Sangat setuju = 5; Setuju = 4; Tidak pasti = 3; Tidak setuju = 2; dan Sangat tidak setuju = 1. Pernyataan yang positif akan dikodkan sebagaimana tersebut di atas. Manakala bagi pernyataan negatif, skim kodnya diterbalikkan mengikut pernyataan *Recode SPSS PC+* kepada: Sangat setuju = 1; Setuju = 2; Tidak pasti = 3; Tidak setuju = 4; dan Sangat tidak setuju = 5 (lihat Jadual 8).

Jadual 8      Pemberian Markat bagi Item Kajian

Jawapan	Item Positif	Item Negatif
Sangat tidak setuju	1	5
Tidak setuju	2	4
Tidak pasti	3	3
Setuju	4	2
Sangat setuju	5	1

Kepuasan kerja subjek ditentukan dengan membandingkan skor yang didapati bagi aspek pekerjaan itu dengan nilai min (jumlah skor aspek pekerjaan itu dibahagi dengan jumlah subjek). Min digunakan adalah kerana semua skor yang terlibat dapat

diambil kira. Min juga merupakan ukuran yang sesuai bagi menggambarkan sesuatu taburan dan tidak bias. Dalam menentukan kepuasan kerja, jika subjek memperoleh skor yang sama atau melebihi nilai min, ini menunjukkan subjek berpuas hati dengan aspek pekerjaan tersebut. Manakala skor yang kurang daripada nilai min menunjukkan subjek tidak berpuas hati dengan kerja mereka (rujuk BAB IV, Jadual 20).

## **SUBJEK KAJIAN**

### **Populasi Kajian**

Populasi kajian ini melibatkan 1888 orang guru SJK(C) dari 40 buah SJK(C) di Kuala Lumpur. Sekolah-sekolah berkenaan ialah:

#### Zon Sentul

1. SJK(C) Chiao Nan, Jalan Pahang, 53000 K.L.
2. SJK(C) Chong Hwa, Setapak, 53000 K.L.
3. SJK(C) Chung Kwok, Jalan Broadrick, 50350 K.L.
4. SJK(C) Jinjang Selatan, Jinjang Utara, 52000 K.L.
5. SJK(C) Jinjang Tengah (1), Jinjang Utara, 52000 K.L.
6. SJK(C) Jinjang Tengah (2), Jinjang Utara, 52000 K.L.
7. SJK(C) Jinjang Utara, Jinjang Utara, 52000 K.L.
8. SJK(C) Kepong (1), Kepong, 52100 K.L.
9. SJK(C) Kepong (2), Kepong, 52100 K.L.
10. SJK(C) Khai Chee, Segambut, 51200 K.L.
11. SJK(C) Lai Chee, Batu 3 ½, Jalan Ipoh, 51200 K.L.
12. SJK(C) Mun Choong, Kg. Batu, 51200 K.L.

13. SJK(C) Sentul, Sentul, 51000 K.L.
14. SJK(C) Sentul Pasar, Sentul Pasar, 51000 K.L.
15. SJK(C) Chi Man, Sentul, 51000 K.L.

Zon Pudu

16. SJK(C) Chin Woo, Jalan Pasar, 55100 K.L.
17. SJK(C) Chung Kwo, Jalan Loke Yew, 55200 K.L.
18. SJK(C) Confucian, Batu 3 ½, Jalan Sg. Besi, 57100 K.L.
19. SJK(C) Kung Min, Jalan Landak, Pudu 55100 K.L.
20. SJK(C) Kwong Hon, Sg. Besi, 57000 K.L.
21. SJK(C) Naam Kheung, Jalan Cheras, 56100 K.L.
22. SJK(C) Chong Fah Phit Chee, Jalan Brunei, Pudu, 55100 K.L.
23. SJK(C) Salak South, Salak South Baru, 57100 K.L.
24. SJK(C) Tai Thung, Salak South, 57100 K.L.
25. SJK(C) Taman Connaught, Cheras, 56000 K.L.
26. SJK(C) Tsun Jin, Jalan Perwira, 55100 K.L.
27. SJK(C) Jalan Imbi, Jalan Imbi, 55100 K.L.
28. SJK(C) Sam Yoke, Jalan Sg. Besi, 57100 K.L.

Zon Bangsar

29. SJK(C) Choong Wen, Jalan Kelang Lama, 58000 K.L.
30. SJK(C) Jalan Davidson, Jalan Hang Jebat, 50150 K.L.
31. SJK(C) Kuen Cheng (1), Jalan Belfield, 50460 K.L.
32. SJK(C) Kuen Cheng (2), Jalan Belfield, 50460 K.L.

33. SJK(C) Yoke Nam, Jalan 18, Tmn. Overseas Union, Batu 5 ½, 58200 K.L.
34. SJK(C) La Salle, Brickfields, 50470 K.L.
35. SJK(C) St. Teresa, Brickfields, 50470 K.L.

**Zon Keramat**

36. SJK(C) Chung Hwa (P), Jalan Ampang, 55000 K.L.
37. SJK(C) Lai Meng, Jalan Ampang, 50450 K.L.
38. SJK(C) Nan Yik (Lee Rubber), Batu 5, Jalan Gombak, 53000 K.L.
39. SJK(C) Mun Yee, Jalan Mawar, 53000 K.L.
40. SJK(C) Nan Kai, Persiaran Raja Chulan, 50200 K.L.

Populasi ini adalah berasaskan senarai terkini yang didapati daripada Unit Sekolah Rendah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan pada 1 Jun 1999.

**Sampel Kajian**

Untuk tujuan kajian ini, populasi yang digunakan ialah guru-guru SJK(C) yang mengajar di sekitar Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Populasi guru yang didapati semasa kajian dikandalikan ialah seramai 1888 orang .

Jumlah subjek kajian ditentukan dengan menggunakan Jadual Menentukan Saiz Sampel untuk penyelidikan pendidikan yang dibuat oleh Krejcie dan Morgan (1970). Mengikut Jadual Penentuan Saiz Sampel, saiz subjek kajian yang dianggap mempunyai tahap keyakinan 95% yang mewakili populasi 1888 orang ialah 320 orang (lihat Lampiran E). Sekolah-sekolah yang dipilih untuk menjalankan kajian dan bilangan subjek kajian serta peratusannya ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9      **Bilangan Subjek Kajian**

Sekolah	Subjek Kajian	Peratusan
SJK(C) Chiao Nan	28	8.75%
SJK(C) Chong Hwa	38	11.88%
SJK(C) Sentul	26	8.12%
SJK(C) Chi Man	21	6.56%
SJK(C) Chin Woo	22	6.88%
SJK(C) Chung Kwo	25	7.81%
SJK(C) Taman Connaught	37	11.56%
SJK(C) Tsun Jin	42	13.12%
SJK(C) Kuen Cheng (1)	27	8.44%
SJK(C) St. Teresa	11	3.44%
SJK(C) Nan Yik (Lee Rubber)	22	6.88%
SJK(C) Mun Yee	21	6.56%
<b>Jumlah</b>	<b>320</b>	<b>100.00%</b>

Kaedah persampelan kelompok dipilih memandangkan bilangan guru yang ramai dengan kelayakan ikhtisas yang sama dan sistem pendidikan adalah berpusat. Bentuk persampelan ini mengurangkan kesukaran menentukan rangka persampelan, misalnya untuk mendapat nama semua guru yang mengajar di K.L dan kerjasama daripada mereka mengikut senarai nama tersebut. Seterusnya persampelan ini juga mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi menjalankan penyelidikan. Pentadbiran penyelidikan juga lebih kemas kerana kelompok digunakan.

## TATACARA KAJIAN

Sebelum menjalankan penyelidikan ini, pengkaji mengemukakan satu kertas cadangan mengenai tajuk disertasi kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) untuk memohon surat kebenaran bagi menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah mendapat kebenaran daripada BPPDP, pengkaji memohon pula surat kebenaran bagi menggunakan sampel kajian di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina [SJK(C)] daripada Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.

Setelah mengenal pasti sasaran sekolah, pengkaji akan memastikan guru besar berada di sekolah sebelum pergi ke sekolah tersebut. Semasa berurusan dengan guru besar, pengkaji menampilkkan surat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan kepada guru besar. Seterusnya, pengkaji menerangkan rasional dan tujuan penyelidikan yang hendak dijalankan serta berbincang dengan guru besar cara-cara mengendalikan penyelidikan tersebut. Guru besar juga diminta memanjangkan rasional dan tujuan penyelidikan kepada subjek kajian di bawah jagaannya.

Setiap borang soal selidik diletakkan dalam sampul surat berasingan bagi menjamin kesulitan jawapan subjek kajian. Subjek kajian diberi masa dua minggu untuk menjawab soal selidik tersebut sebelum pengkaji mendapatkan semula borang soal selidik. Kerja mengedarkan borang soal selidik dijalankan oleh pengkaji sendiri agar mewujudkan perasaan mesra antara pengkaji dengan subjek kajian demi menjamin pulangan yang tinggi. Subjek kajian juga dimaklumkan tentang rasional dan tujuan penyelidikan tersebut.

## ANALISIS DATA

Sepuluh hipotesis bersama pembolehubah bersandar dan tidak bersandar serta statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 10.

Semua data yang dikumpulkan daripada subjek dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Packages for the Social Science* (SPSS). Program SPSS ini telah dikemukakan oleh Norusis (1991). Subprogram yang digunakan dalam SPSS ini ialah *summarize(crosstabulation)*, *compare means* dan korelasi. Analisis yang digunakan ke atas data adalah kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, ujian-t, pekali hasil darab momen Pearson dan analisis varian sehalia.

Penganalisisan bahagian demografi adalah menggunakan kaedah statistik deskriptif. Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan jantina, kelulusan akademik, taraf perkahwinan dan pengiktirafan masyarakat terhadap guru SJK(C). Subprogram korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara kepuasan kerja dengan aspek-aspek pekerjaan berdasarkan soal selidik JDI. Subprogram *crosstabulation* digunakan untuk melihat hubungan antara aspek-aspek kepuasan kerja dengan umur, jantina, taraf perkahwinan, kelulusan akademik, gaji semasa, tempoh perkhidmatan, minat dan pengiktirafan masyarakat terhadap guru-guru SJK(C).

**Jadual 10 Penganalisisan Data Statistik**

Bil.	Hipotesis	Pembolehubah Bersandar (DV)	Pembolehubah Tidak Bersandar(IV)	Statistik
1.	Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kepuasan kerja yang dialami antara guru lelaki dengan guru perempuan SJK(C).	Kepuasan kerja (sela)	Jantina (nominal)	Ujian-t
2.	Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan keadaan kerja bagi guru SJK(C).	Kepuasan kerja (sela)	Keadaan kerja (sela)	Korelasi Pekali Pearson
3.	Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan keadaan gaji bagi guru SJK(C).	Kepuasan kerja (sela)	Keadaan gaji (sela)	Korelasi Pekali Pearson
4.	Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan kenaikan pangkat bagi guru SJK(C).	Kepuasan kerja (sela)	Kenaikan pangkat (sela)	Korelasi Pekali Pearson
5.	Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan corak penyeliaan bagi guru SJK(C).	Kepuasan kerja (sela)	Corak penyeliaan (sela)	Korelasi Pekali Pearson
6.	Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan teman sekerja bagi guru SJK(C).	Kepuasan kerja (sela)	Teman sekerja (sela)	Korelasi Pekali Pearson
7.	Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kepuasan kerja antara guru berkelulusan SPM/MCE dengan guru berkelulusan STPM/HSC bagi guru SJK(C).	Kepuasan kerja (sela)	Kelulusan Akademik (nominal)	Ujian-t
8.	Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan tempoh perkhidmatan bagi guru SJK (C).	Kepuasan kerja (sela)	Tempoh Perkhidmatan (nisbah)	Korelasi Pekali Pearson
9.	Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kepuasan kerja antara guru yang berkahwin dengan guru yang bujang bagi guru SJK (C).	Kepuasan kerja (sela)	Taraf Perkahwinan (nominal)	Ujian-t
10.	Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kepuasan kerja antara guru yang mendapat pengiktirafan masyarakat dengan guru yang tidak mendapat pengiktirafan masyarakat bagi guru SJK (C).	Kepuasan kerja (sela)	Pengiktirafan masyarakat (nominal)	Ujian-t